

31 MAR 1996

JAIS - Sesat

PEMIMPIN AJARAN SESAT AKAN DIDAKWA ESOK

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Pegawai Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) memberkas seorang guru agama kerana dipercayai menyebarkan ajaran sesat serta tujuh pengikutnya dalam satu serbuan ke sebuah rumah di Lembah Keramat, Ulu Klang, dekat sini malam tadi.

Ketua Penguatkuasa JAIS, Encik Nasir Mohd Zakaria hari ini berkata guru agama itu, Mohd Nordin Puteh, 56, mengaku dirinya Imam Mahadi.

Beliau berkata semasa serbuan oleh sepasukan lima anggota JAIS ke rumah berkenaan di Jalan AU5D/5, Lembah Keramat, pada kira-kira pukul 9.30 malam, Nordin bersama tujuh pengikutnya termasuk isteri keduanya berada di dalam rumah itu.

Nordin serta pengikutnya itu kini ditahan di Balai Polis Taman Melawati dan akan dijangka dihadapkan ke Mahkamah Syariah Gombak Timur di Taman Keramat, esok.

Nasir berkata mereka akan didakwa mengikut Seksyen 166, 167, 168 dan 171 Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952 (Pindaan 1983) atas tuduhan mengajar agama tanpa tauliah, mengamalkan ajaran sesat, mengeluarkan fatwa ajaran sesat dan melanggar fatwa ajaran sesat.

Menurutnya, jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi RM1,000 dan penjara 6 bulan atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan mengikut Seksyen 167, 168 dan 171 manakala denda RM500 atau 3 bulan penjara mengikut Seksyen 166.

Nasir berkata semasa disoal siasat, Nordin mendakwa dia adalah Imam Mahadi kerana terdapat 40 tanda di bahagian badannya termasuk bahagian belakang yang berbulu.

Nordin juga mendakwa dia telah menerima bisikan suara ghaib ketika sedang bertapa di sebuah gua di Gombak 10 tahun lalu, katanya.

Nasir berkata ajaran Nordin yang dianggap sesat termasuk menghalalkan persentuhan antara lelaki dan wanita bukan muhrim dan mengamalkan perkahwinan secara batin.

Nordin juga mendakwa mempunyai 90 pengikut sehingga kini.

Hasil serbuan itu, pegawai penguatkuasa JAIS merampas tasbih, kitab, pita video mengenai Imam Mahadi serta salinan fotostat mengenai dirinya yang didakwa telah dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta beberapa ulama tanah air.

Nasir berkata JAIS percaya ajaran itu disebarikan oleh Nordin sejak lima tahun lepas dan gerakan menjejaknya telah dijalankan sejak dua tahun lalu.

Beliau berkata ajaran Nordin telah difatwakan sebagai sesat oleh Majlis Agama Islam Selangor pada 26 Ogos lepas dan diwartakan sebagai sesat pada 28 September.-- BERNAMA.

AKT NAS OBA.